

PM mahu rakyat sama2 pastikan kemajuan

UM 12 NOV 1990

KUALA LUMPUR 11 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu rakyat bersama-sama memastikan kemajuan negara pada masa akan datang tidak membawa kepada keruntuhan institusi keluarga.

Katanya, kemajuan negara tidak akan bermakna jika dalam masa yang sama mengalami keruntuhan institusi kekeluargaan sebagaimana yang melanda negara-negara maju di Barat.

"Apa gunanya kemajuan material jika kehidupan harian begitu tidak selamat dan masyarakat muram dan diserang dengan sakit jiwa?" tanya beliau semasa berucap merasmikan Hari Keluarga Kebangsaan 1990 di Stadium Tun Razak di sini pagi ini.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, walaupun orang-orang di negara maju kelihatan berseeronokan tetapi keseronokan mereka tidak berpunca daripada ketenangan jiwa.

Katanya, keseronokan mereka dicapai melalui 'escapism' iaitu dengan melarikan diri daripada tekanan jiwa yang mereka alami.

Dengan itu, katanya, masalah sosial dalam masyarakat menjadi begitu besar malah penggunaan dadah secara meluas di negara-negara Barat disebabkan keruntuhan institusi keluarga.